



SKIM PENGAJAR SISWAZAH UNIVERSITI MALAYA

1. Nama Skim

Skim Pengajar Siswazah Universiti Malaya. / *Graduate Teaching Assistantship (GTA)*

2. Objektif Skim

Skim ini bertujuan untuk:-

- (1) Menyediakan latihan kerjaya kepada pelajar ijazah tinggi semasa dalam pengajian.
- (2) Membantu pelajar yang memerlukan kewangan di dalam pengajian di Universiti Malaya.
- (3) Menyediakan pelajar dengan skil dan ketrampilan diri yang diperlukan dalam dunia kerjaya.

3. Tugas dan Tanggungjawab GTA

- (a) Berjumpa dengan pensyarah kursus secara kerap
- (b) Mendapat dan menyedia bahan pengajaran yang diperlukan oleh kelas
- (c) Mengajar kursus-kursus di peringkat ijazah dasar
- (d) Mengetuai sesi perbincangan, tutorial dan makmal
- (e) Membantu pensyarah atau staf dengan kerja di makmal dan penyelidikan
- (f) Menyediakan bahan pengajaran seperti nota tambahan, slaid dan mengemaskini bahan kursus secara online (di *Spectrum*)
- (g) Membuat demonstrasi peralatan makmal dan menguatkuasa peraturan makmal
- (h) Memaklumkan pelajar mengenai prosedur melengkap dan penyerahan kerja kursus seperti laporan makmal
- (i) Memulangkan kerja kursus kepada pelajar mengikut tarikh tutup ditetapkan
- (j) Membuat jadual dan mengawasi masa pertemuan dengan pelajar mengikut waktu pejabat

- (k) Membantu pensyarah atau staf berkaitan dengan persidangan pelajar

4. Keperluan Kemahiran Calon GTA

- (a) Kemahiran berkomunikasi dan kejelasan dalam pertuturan – kemampuan menyampaikan maklumat dan idea yang mudah difahami
- (b) Kemahiran penulisan – kemampuan menyampaikan maklumat melalui penulisan yang mudah difahami
- (c) Kemahiran pemahaman – kemampuan memahami dengan tepat maklumat yang dibaca dan didengar

5. Keperluan & Latihan Kemahiran GTA

- (a) Pendidikan dan Latihan
- Pengetahuan mengenai prinsip dan kaedah dalam rekabentuk pengajaran dan kurikulum
 - Kemahiran pengajaran dan memberi arahan secara individu dan kumpulan
 - Mengukur kesan pengajaran
- (b) Bahasa Inggeris
- Pengetahuan dan kemahiran dalam bahasa Inggeris termasuk makna dan ejaan perkataan, peraturan penyusunan ayat dan tatabahasa
- (c) Perkeranian
- Pengetahuan mengenai prosedur dan sistem pentadbiran dan perkeranian seperti menaip, menguruskan fail dan rekod dan lain-lain terminologi dan prosedur pejabat

6. Pra - Syarat Pelantikan GTA

- (a) Calon Sarjana – merupakan pelajar ijazah tinggi UM sekurang-kurangnya 1 semester
- (b) Calon PhD – merupakan pelajar ijazah tinggi UM sekurang-kurangnya 2 semester
- (c) Mengekalkan pencapaian PNGK 3 ke atas untuk Sarjana secara kursus atau pengesahan bertulis oleh penyelia bagi pelajar penyelidikan

7. Pentadbiran Skim GTA

- (a) Waktu berkerja maksima 15 jam seminggu
- (b) Bayaran adalah mengikut jam perkhidmatan dan dibayar dalam bentuk pengecualian yuran pengajian mengikut bayaran perkhidmatan yang diberikan.
- (c) Penerimaan pelantikan dianggap sebagai komitmen sehingga ke penghujung semester
- (d) Tempoh pelantikan maksima (tidak semestinya bersambung) adalah:
 - Calon Sarjana - 3 semester
 - Calon PhD - 4 semester

8. Permohonan

Pelajar boleh memohon dengan mengemukakan permohonan di dalam borang di lampiran A yang boleh diperolehi di PTj masing-masing. Pertimbangan ke atas permohonan akan dibuat oleh PTj dan keputusan permohonan adalah muktamad.